

16 DEC 2003

TMNET-GABUNG/I

PERBINCANGAN GABUNG TMNET-JARING DIJANGKA SELESAI MAC DEPAN

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Rundingan antara Telekom Malaysia dan penyedia perkhidmatan Internet (ISP), Jaring, bagi cadangan penggabungan dijangka selesai Mac depan, kata Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Tan Chai Ho di sini hari ini.

Beliau berkata perbincangan pengambilalihan Jaring oleh Telekom Malaysia masih berlangsung dan berjalan dengan baik.

Bagaimanapun, sekiranya sebarang masalah timbul semasa perundingan tersebut, kementerian tidak akan teragak-agak membantu kedua-dua pihak, kata beliau semasa ditanya mengenai status dan perkembangan penggabungan antara kedua-dua gergasi ISP itu.

Tan menghadiri sidang media mengenai Persidangan Internet Rantau Asia Pasifik bagi Operasi Teknologi (Apricot) 2004.

Persidangan berkenaan yang akan diadakan di Palace of the Golden Horses mulai 18-27 Feb, dijangka menarik lebih 1,000 jurutera Internet dari Asia Pasifik.

Semasa membentangkan bajet 2004 September lepas, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyentuh mengenai penggabungan kedua-dua penyedia ISP itu bagi memastikan perkhidmatan Internet yang lebih luas dan efisien dalam negara pada kadar yang lebih rendah.

TMNet ialah anak syarikat Telekom Malaysia manakala Jaring, singkatan bagi "Joint Advanced Research Integrated Networking". dimajukan dan diuruskan oleh Mimos Bhd sebagai penyedia akses internet utama Malaysia. --
BERNAMA

SHR TJK NHD